



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/1/2011



PM yakin pemain mampu bangkitkan semula kegemilangan

2011 harapan baru bola sepak negara

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 9 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan 2011 sebagai tahun yang penuh dengan harapan baru bagi sukan bola sepak negara.

Perdana Menteri berkata, pemain-pemain muda negara kini dilihat berpotensi untuk membangkitkan semula kegemilangan sukan bola sepak di Malaysia.

"Tidak mustahil pasukan bola sepak Malaysia akan bangkit sekali lagi ke tahap yang lebih membanggakan. Dengan tumpuan, disiplin dan budaya berpasukan yang baik, ia akan menjadi kenyataan," katanya di dalam blog www.1malaysia.com.my hari ini.

Najib berkata, maklum ba-

las daripada rakyat Malaysia di mana sahaja mereka berada menunjukkan sukan, terutamanya bola sepak, mempunyai keupayaan untuk menyatukan rakyat.

"Saya sendiri mengalaminya bulan sudah semasa sama-sama bersorak untuk pasukan kita menentang Vietnam dalam Piala Suzuki AFF.

"Tenaga malam itu, semasa duduk bersama rakyat di Jalan Bukit Bintang dapat dirasakan dan tiada sesiapa pun tidak terikut dilanda oleh gelombang itu," katanya.

Beliau sedang menanti-nantikan saat bertemu dengan pasukan bola sepak kebangsaan Rabu ini untuk mengucapkan tahniah kepada mereka kerana memenangi Piala Suzuki AFF 2010.

"Pasukan kita telah pun mendapat pujian daripada pemain Manchester United, mereka seharusnya menerima ini sebagai satu motivasi untuk memperbaiki diri," katanya.

Menyentuh minatnya terhadap bola sepak, Najib berkata, beliau seboleh-boleh-

nya cuba mengikuti perkembangan pasukan kegemarannya sepanjang masa.

Katanya, bolasepak membolehkan beliau menikmati masa peribadi bersama keluarga dan tidak melepaskan peluang untuk menonton Liga Perdana Inggeris.

"Seperti peminat-peminat kelab Manchester United yang lain, ia menyeronokkan saya melihat pasukan itu berada di puncak liga dengan kedudukan selesa di hadapan dari segi mata dan dua perlawanan berbaki.

"Keseronokan ini tidak dikongsi oleh anak perempuan saya, sebab dia penyokong Liverpool! Dia memujuk diri sendiri dengan mengatakan Liverpool adalah 'juara akan datang', tetapi ini jugalah yang dia sebut sejak lebih 10 tahun yang lalu," ujarnya.

Mungkin terlalu awal untuk merayakan satu lagi kemenangan, namun beliau berharap Manchester United berupaya mengekalkan kedudukan teratas dalam kejuaraan kali ini sementara berhati-hati dengan saingan kelab lain.